



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**MAJLIS PENYAMPAIAN PROGRAM BAITI JANNATI
@ WILAYAH PERSEKUTUAN**

**23 APRIL 2026 (KHAMIS)
10:00 PAGI**

**DEWAN SERBAGUNA PA DESA REJANG
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI dan Salam Wilayah Persekutuan.

1. Saudara dan saudari, terima kasih kerana hadir pagi ini. Saya nak terus kepada satu perkara yang penting.
2. Di bandar seperti Kuala Lumpur, kita sering bercakap tentang pembangunan seperti bangunan baharu, infrastruktur, pertumbuhan ekonomi.
3. Tetapi bagi saya, ukuran sebenar pembangunan bukan pada apa yang kita bina tetapi pada bagaimana rakyat kita hidup.
4. Hadirin sekalian, **Program Baiti Jannati** ini mungkin nampak kecil jika dibandingkan dengan projek besar lain tetapi impaknya sangat jelas.
5. Setakat ini, sebanyak **347 unit** rumah telah diserahkan di bawah program ini. Itu bukan sekadar angka. Itu **347 keluarga** yang kini mempunyai tempat tinggal yang lebih selamat dan lebih teratur.
6. Saya percaya, rumah yang selamat bukan satu kelebihan sebaliknya ia adalah asas kepada kehidupan yang bermaruah.
7. Untuk tahun **2026**, sebanyak **20 unit** rumah **PPR** dan **Perumahan Awam** di bawah seliaan DBKL telah disediakan melalui pembiayaan TNB, melibatkan **tujuh kawasan Parlimen** di Wilayah Persekutuan.
8. Agihan ini merangkumi:

- a) **empat** penerima masing-masing di **Bandar Tun Razak, Batu dan Setiawangsa,**
 - b) **tiga** penerima di **Cheras,**
 - c) **dua** penerima masing-masing di **Lembah Pantai dan Bukit Bintang,**
 - d) serta **seorang** penerima di **Wangsa Maju.**
9. Ini bermakna bantuan ini benar-benar sampai ke pelbagai kawasan di mana bukan hanya tertumpu di satu tempat sahaja.
10. Bila kita sebut **20 rumah**, sebenarnya kita sedang bercakap tentang **20 keluarga** di tujuh kawasan berbeza yang kini mempunyai peluang hidup yang lebih stabil.
11. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada **pihak TNB** di atas komitmen ini termasuk melalui **dana zakat** bagi penerima **Muslim** dan **CSR** bagi penerima **bukan Muslim**.
12. Ini menunjukkan bahawa usaha membantu rakyat tidak boleh bergantung kepada kerajaan sahaja. Ia memerlukan kerjasama semua pihak.
13. Saudara dan saudari, kita ada pelbagai bentuk **bantuan** antaranya seperti **Sumbangan Tunai Rahmah, Sumbangan Asas Rahmah** dan juga program **perumahan mampu milik** seperti **Residensi Wilayah** dan **Residensi MADANI**.
14. Tetapi saya nak tekankan satu perkara. Kita tidak boleh anggap tugas kita selesai hanya kerana bantuan telah disalurkan.

15. Kalau rumah masih tidak selamat, kalau keadaan hidup masih tidak teratur maka kita belum benar-benar menyelesaikan masalah.
16. Sebab itu program seperti ini perlu diteruskan dan diperluaskan. Bukan sekadar baik pulih rumah tetapi memastikan setiap keluarga ada asas yang stabil untuk bergerak ke hadapan.
17. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada **Jabatan Wilayah Persekutuan, DBKL, MAIWP** dan **semua rakan strategik** yang bersama-sama menjayakan usaha ini.
18. Saudara dan saudari, kita mungkin tidak dapat selesaikan semua cabaran dalam masa yang singkat tetapi kita tidak boleh berhenti hanya kerana cabaran itu besar.
19. Selagi masih ada keluarga yang hidup dalam keadaan tidak selesa, itu bermakna masih ada kerja yang perlu kita lakukan. Dan kita akan terus lakukan.
20. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Penyerahan Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan.**

Sekian, terima kasih.